

BULETIN UTHM

Bil.3 Mac 2025 | ISSN 2232-0415



UTHM dianugerah Kursi UNESCO, bawa TVET ke peringkat global



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM dianugerah Kursi UNESCO, bawa TVET ke peringkat global
- 2 UTHM diiktiraf sebagai tapak UNESCO Ecohydrology Demonstration Sites
- 4 BAZARAYA 2025 tingkat keterlihatan UTHM sebagai penganjur expo Aidilfitri terbesar Johor
- 6 UTHM bantu pelajar terjejas banjir, beri kelegaan emosi
- 7 UTHM-SWM Environment giat jalan kempen elak bazir makanan bulan Ramadan
- 9 Penuntut UTHM semarakkan Ramadan, erat hubungan bersama komuniti setempat
- 11 UTHM dipilih jadi tuan rumah program Bridging Innovation and Learning in TVET 2025
- 12 Pensyarah UTHM kongsi ilmu dengan komuniti setempat hasilkan bubur lambuk retort
- 14 Projek 100 for 100 ukir senyuman di wajah 100 murid asnaf
- 15 Sumbangan Bakul Qaseh FKMP beri keceriaan kepada 40 asnaf
- 16 FAST anjur program Infaq Ramadan, semai budaya harmoni dan prihatin di tempat kerja
- 17 Ibu Tunggal, OKU terima sumbangan FKEE dan ABIM sempena Ramadan
- 18 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



UTHM dianugerah Kursi UNESCO, bawa TVET ke peringkat global



BATU PAHAT, 12Mac 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dianugerahkan Kursi UNESCO bagi *TVET Educator Competence and Transversal Skills for Professional Development* untuk tempoh empat tahun bermula pada 2025 sehingga 2029.

Pengiktirafan itu mengukuhkan lagi kepimpinan global UTHM dalam meneraju bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), selain komitmen universiti terhadap penyelidikan, inovasi dan pembangunan mampan.

Kursi UNESCO adalah sebahagian daripada Program Kursi UNITWIN/UNESCO, yang bertujuan mempromosi kerjasama antarabangsa, perkongsian pengetahuan dan penyelidikan selaras dengan misi UNESCO dalam pendidikan, sains, budaya dan komunikasi.

UTHM menyertai kumpulan eksklusif yang menjadi salah satu daripada enam pemegang Kursi UNESCO dan yang pertama dalam TVET di Malaysia.

Inisiatif selama empat tahun itu selari dengan Strategi Jangka Sederhana UNESCO 2022-2029, yang menyumbang terus kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dengan memfokuskan kepada kelestarian, inklusi gender dan transformasi digital dalam konteks TVET.

Bidang tumpuan utama di bawah inisiatif itu antaranya Program TVET Inklusif Gender bagi meningkatkan penyertaan dan peranan kepimpinan wanita dalam TVET; memperkasakan pendidik dan

pengajar TVET bagi mengukuhkan keupayaan dalam pedagogi digital, etika dan pembangunan institusi; serta penyelidikan dan pembangunan TVET hijau bagi mempromosi amalan mampan dalam program latihan guru.

Lebih membanggakan, Profesor Emeritus Dr. Jailani Md Yunos telah dilantik sebagai pemegang Kursi UNESCO ini bagi berkongsi kepakaran dan pengalaman luas beliau dalam TVET, sekali gus mengetuai projek-projek berkaitan dan merancakkan kerjasama antarabangsa.

Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim mewakili universiti turut berterima kasih di atas pelantikan tersebut dan kepercayaan yang diberikan.

"Kursi UNESCO ini mencerminkan dedikasi UTHM dalam membangunkan lagi pengetahuan dan inovasi demi masa depan yang lebih baik.

"Ia membuka peluang baharu dalam bidang penyelidikan berimpak tinggi dan kerjasama global," katanya.

Kursi UNESCO akan menerajui pelbagai inisiatif termasuk perkongsian penyelidikan, program pemerkasaan komuniti dan program mobiliti akademik, sekali gus meningkatkan profil Malaysia dalam pendidikan antarabangsa.

Pengiktirafan ini mengukuhkan peranan UTHM dalam dunia akademik antarabangsa, sekali gus membantu mencapai misi dalam memacu kemajuan mampan melalui inovasi dan pembangunan profesional.



UTHM diiktiraf sebagai tapak UNESCO Ecohydrology Demonstration Sites

BATUPAHAT-Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta satu lagi sejarah apabila berjaya menerima pengiktirafan antarabangsa sebagai tapak UNESCO Ecohydrology Demonstration Sites melalui pensijilan daripada The UNESCO Intergovernmental Hydrological Programme (UNESCO-IHP).

Projek pengurusan air ribut mampan atau Sustainable Stormwater Management, UTHM itu telah diterima sebagai sebahagian daripada Rangkaian Global Tapak Demonstrasi Ekohidrologi, yang mana pensijilannya telah diluluskan pada 1 Oktober 2024.

Tapak Demonstrasi Ekohidrologi berperanan untuk mempromosikan penyelesaian berasaskan alam semula jadi yang mengintegrasikan proses hidrologi dan ekologi bagi menangani cabaran berkaitan air, seperti meningkatkan sumber air, memperbaiki kualiti air dan mengurangkan kesan negatif terhadap ekosistem.

Pengiktirafan itu membuktikan kejayaan UTHM dalam mengaplikasikan prinsip ekohidrologi yang menekankan hubungan antara ekosistem dan sumber air.

Projek tersebut bertujuan mengurangkan risiko banjir, meningkatkan kualiti air dan memelihara biodiversiti di kawasan kampus.

Konsep Amalan Mesra Alam Malaysia (MSMA) telah diterapkan melalui kolam-kolam tadahan dan sistem saliran sedia ada bagi meningkatkan potensi ekosistem dan mencapai kelestarian alam sekitar yang berkaitan rapat dengan sumber air.

Selain itu, projek itu juga mengaplikasikan amalan pengurusan sumber air bersepadu atau Integrated Water Resources Management (IWRM) yang menggabungkan aspek teknikal dan ekologi bagi memastikan kelestarian jangka panjang.

Sistem pengurusan air ribut itu direka sebagai model semula jadi ekosistem dan mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Task Force UNESCO Ecohydrology Demonstration Sites UTHM-IHP, Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Adib Mohamad Razi, yang juga Ketua Pusat Eco-Penyelidikan Eco-Hytech, UTHM dijadikan sebagai model dalam mengintegrasikan sains ekohidrologi dengan pengurusan sumber air.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada pasukan UTHM, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Humid Tropics Centre Kuala Lumpur (HTCKL), Jawatankuasa Task Force EDS dan rakan seangkatan iaitu River Engineering


and Urban Drainage Research Centre (REDAC), Universiti Sains Malaysia yang komited dalam memperkenalkan amalan mesra alam bagi pengurusan air mampan.

“Kejayaan ini bukan sahaja bermanfaat kepada komuniti setempat tetapi juga menyumbang kepada usaha global dalam pemeliharaan sumber air.

“Pensijilan ini juga membuka peluang besar bagi UTHM untuk bekerjasama dengan institusi tempatan dan antarabangsa dalam bidang penyelidikan ekohidrologi.

“Melalui rangkaian global ini, UTHM dapat berkongsi kepakaran dan mempelajari amalan terbaik daripada tapak demonstrasi lain di seluruh dunia,” katanya.

Dengan menjadi sebahagian daripada Rangkaian Global Tapak Demonstrasi Ekohidrologi, UTHM memainkan peranan penting dalam pengurusan sumber air yang lestari dan pemeliharaan ekosistem yang mesra alam.





BAZARAYA 2025 tingkat keterlihatan UTHM sebagai penganjur expo Aidilfitri terbesar Johor

Oleh Hawa Omar

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah disenaraikan sebagai salah satu penganjur expo Aidilfitri terbesar di Johor, khususnya di daerah Batu Pahat oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP).

BAZAR RAMADAN RAYA 2025 (BAZARAYA 2025) yang diadakan di Padang Kawad, kampus induk itu merupakan penganjuran buat kali kedua selepas kejayaannya menganjurkan BAZARAYA 2024 UTHM, di tapak komersial universiti.

Menurut mantan Timbalan Pengarah (Pembangunan Perniagaan), Bahagian Pembangunan Perniagaan (BizDev), Hawa Omar, pada tahun ini dijangkakan seramai lebih 300,000 pengunjung akan berkunjung ke BAZARAYA 2025 UTHM sehingga akhir Ramadan ini.

Selain bertujuan menjana pendapatan universiti, Expo Aidilfitri terbesar di Batu Pahat itu dianjurkan bagi memberi ruang kepada masyarakat setempat termasuk staf dan pelajar UTHM berbelanja untuk persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri 2025M/1446H.

Tambah beliau, objektif utama penganjuran BAZARAYA 2025 UTHM ialah bagi menjana pendapatan universiti dengan pulangan melalui hasil sewaan ruang komersial, memberi ruang kepada

peniaga industri kecil dan sederhana mencari pendapatan tambahan di bulan Ramadan, memberi peluang kepada para pelajar untuk berniaga dan menjana pendapatan melalui ruang aktiviti keusahawanan yang disediakan, meningkatkan keterlihatan UTHM sebagai penyedia tapak Ekspo Aidilfitri terbesar di Batu Pahat dan Johor, serta menjadi platform tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat.

BAZARAYA 2025 yang diselia oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan (BizDev), Pejabat Kelestarian Kewangan (PKKew) dengan kerjasama syarikat kolaborator Murni Sahabat Sdn. Bhd UTHM itu turut menyediakan 120 khemah jualan bagi lot niaga barangan kering dan basah.

Beberapa lot telah diperuntukkan kepada Syarikat Pemula Pelajar (SPP) dan kelab/persatuan pelajar, yang diselaraskan oleh Timbalan Pengarah Pusat Teknousahwan Universiti (PTU), Dr. Mohd Akmal Rohiat.

Pelbagai jualan barangan yang berupa pakaian, perkakasan rumah dan jualan makanan dan minuman boleh didapati di BAZARAYA 2025 UTHM.

"Menariknya, selain berbelanja untuk persiapan Hari Raya Aidilfitri, pengunjung dan pembeli berpeluang

merebut dan memenangi hadiah utama cabutan bertuah yang berupa pakej umrah, Kereta jenis Perodua Bezza dan Motosikal SM 110.

“Kami juga menyediakan fasiliti parkir kenderaan dan tandas secara percuma, laluan pejalan kaki di antara khemah jualan yang luas dan selesa, harga barangan yang mampu milik, tempat permainan kanak-kanak serta 300 lampu pelita untuk membangkitkan suasana kemeriahan Aidilfitri,” tambah Hawa.

Sementara itu, pihak universiti turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh

MPBP dan juga Pusat-pusat Tanggungjawab (PTj) di UTHM yang terlibat secara langsung iaitu Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan; Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; Pejabat Polis Bantuan dan Keselamatan; Pejabat Pengurusan Fasiliti; Pusat Kesihatan Universiti; Pusat Teknousahawan Universiti; Pusat Islam; Pejabat Penasihat Undang-undang dan Pejabat Bendahari UTHM.





UTHM bantu pelajar terjejas banjir, beri kelegaan emosi

Oleh Dr. Radzi Ambar, Ts. Dr. Khalid Isa, Muhammad Faisal Ahmad Juhari

BATU PAHAT - Prihatin dengan musibah yang menimpa pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pusat Pembangunan Pelajar (PBP) telah melaksanakan misi bantuan kebajikan khusus untuk pelajar yang terkesan banjir di sekitar Simpang Renggam, Pontian dan Rengit, Johor pada 23 Mac 2024 lalu.

Misi tersebut melibatkan kunjungan ke empat rumah pelajar yang terjejas banjir bagi menyampaikan pek bantuan barangan keperluan yang disumbangkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), UTHM.

Misi kesukarelawan itu diketuai oleh Ts. Dr. Khalid Isa, Pengarah PBP; Dr. Radzi Ambar, Ketua Jabatan Nilai dan Sukarelawan Pelajar, PBP; serta Muhammad Faisal Ahmad Juhari, wakil daripada Kelab Sukarelawan UTHM.

Selain menyerahkan bantuan, para sukarelawan turut meluangkan masa untuk berbual dan bertanya khabar kepada pelajar dan keluarga yang terkesan, selain memberi kata-kata semangat dan sokongan moral dalam menghadapi situasi yang sukar itu.

Sesi pertemuan itu juga telah memberi peluang kepada UTHM mendapatkan informasi berkaitan latar belakang pelajar, antaranya ada kes pelajar yang tinggal bersama adik-beradik kerana telah kehilangan ibu bapa, serta ada yang kehilangan bapa dan terpaksa bergantung kepada ibu sepenuhnya untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Selain itu, ada pelajar yang turut berdepan dengan kesukaran menjalani hidup seharian akibat kerosakan peralatan penting di rumah seperti peti ais dan mesin basuh akibat banjir yang melanda.

Menurut Dr. Khalid, pelaksanaan misi itu bukan sahaja mencerminkan keprihatinan UTHM, khususnya Kluster Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) terhadap kebajikan pelajar, tetapi juga bertujuan memastikan mereka tidak merasa keseorangan dalam menghadapi musibah itu.

“Semoga bantuan yang diberikan ini dapat meringankan beban para pelajar dan keluarga, memberi kelegaan emosi serta menyuntik semangat dan ketabahan mereka dalam menghadapi ujian ini,” katanya.

UTHM berharap inisiatif seperti itu dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai sebahagian daripada usaha universiti dalam membudayakan semangat keprihatinan dan kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa serta warga kampus.





UTHM-SWM Environment giat jalan kempen elak bazir makanan bulan Ramadan

Oleh Ts. Dr. Roslinda Ali

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan SWM Environment sekali lagi menganjurkan kempen elak pembaziran makanan #Jangandahterhantukbaruterngadah sepanjang bulan Ramadan bagi mengelakkan pembaziran makanan.

Kempen yang turut mendapat kerjasama daripada Majlis Perbandaran Muar (MPM) dan SWCorp itu bertujuan untuk mengurangkan pembaziran makanan, sekali gus memanfaatkan lebih sisa dengan bijak.

Ketua Projek Kempen #Jangandahterhantukbaruterngadah, Ts. Dr. Roslinda Ali yang juga Pensyarah Kanan FTK berkata masalah pembaziran makanan tidak asing lagi di Malaysia, terutamanya semasa bulan Ramadan.

Menurut Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), sisa makanan yang dibuang pada bulan Ramadan melonjak naik sekitar 15 hingga 20 % setiap tahun berbanding bulan-bulan biasa.

Manakala pada tahun 2023, kira-kira 3,000 tan sisa makanan yang dibuang setiap hari semasa bulan tersebut.

"Makanya pada tahun ini, kempen #Jangandahterhantukbaruterngadah dilaksanakan melalui beberapa pendekatan iaitu dengan mengadakan lawatan ke gerai dan bazar Ramadan untuk memberi penerangan serta menyampaikan mesej kesedaran tentang kepentingan mengurangkan pembaziran makanan.

"Selain itu pihak kami turut mengagihkan tong sampah beroda 240 liter untuk kegunaan peniaga dan orang ramai di bazar bagi memudahkan mereka membuang sisa makanan, sekali gus mengurangkan jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan.

"Semua sisa makanan yang terkumpul di dalam tong sampah akan dihantar ke Pusat Kompos MPM di Sabak Awor, Muar untuk diproses dan dijadikan sebagai baja kompos yang menjadi sumber bernilai untuk tanah dan pertanian," jelas beliau.

Inisiatif tersebut tidak hanya mengurangkan beban di tapak pelupusan tetapi juga memberikan

impak positif terhadap sektor pertanian dengan menyediakan bahan yang memperkaya tanah dan meningkatkan produktiviti tanaman.

Tambah Dr. Roslinda, pada tahun ini, pihaknya berusaha untuk melancarkan satu kempen yang boleh memberi impak positif dan terpacat dalam ingatan masyarakat setempat supaya mereka dapat bersama-sama memainkan peranan dalam menangani isu pembaziran makanan yang semakin meruncing di Malaysia.


Beliau berharap melalui pendekatan yang komprehensif ini, ia dapat mencetuskan perubahan

yang nyata dan berkesinambungan dalam mengurus sisa makanan serta memelihara alam sekitar.

**Kempen ini telah mendapat liputan Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui segmen Skuad Bazar di rancangan Selamat Pagi Malaysia yang bersiaran pada 11 Mac 2025.

<https://www.youtube.com/watch?v=TuOvY-cqfpc>.





Penuntut UTHM semarakkan Ramadan, erat hubungan bersama komuniti setempat

BATU PAHAT - Bagi memperkukuhkan lagi hubungan antara universiti dan komuniti setempat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program '#HusseinPeduli: Semarak Ramadan' bersama komuniti Sri Medan, Batu Pahat pada 9 Mac 2025 lalu.

Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar UTHM itu turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTHM, Persatuan Pegawai Pentadbir dan Ikhtisas (PENTAS) UTHM, Pusat Wakaf dan Endowmen UTHM, Pusat Islam UTHM, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), UTHM, Jawatankuasa Masjid Sri Medan, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sri Medan, Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) Zon 21 & 22 dan Jawatankuasa Rukun Tetangga (KRT) Pekan Sri Medan.

Menurut Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UTHM, Abdullah Abduraman, program khidmat komuniti tersebut diadakan bertujuan memperkukuhkan lagi hubungan strategik dan harmoni antara pelajar UTHM dengan komuniti setempat.

"Program ini diisi dengan beberapa aktiviti bermanfaat antaranya gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan, penyediaan bubur lambuk untuk diagihkan kepada masyarakat setempat dan majlis ringkas agihan 'food bank' serta bantuan kepada ibu tunggal dan pelajar B40 UTHM.

"Turut diadakan, sesi tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Pegawai Pentafsir al-Quran, Pejabat Agama Batu Pahat, Ustaz Mohamad Faliq Izuddin Mohd Rais," jelas beliau.

Para peserta yang hadir juga berpeluang berbuka puasa beramai-ramai bersama masyarakat setempat di Masjid Pekan Sri Medan, diikuti dengan solat Maghrib, Isyak dan tarawih secara berjemaah.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad turut hadir menyempurnakan majlis perasmian, tanda sokongan beliau terhadap penganjuran program sebegitu.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM), Prof. Ts Dr. Abdul Rasid Abdul Razak selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM,

Pegawai Khas Kepada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, Dr. Mohammad Aswad Ithnain dan Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng, Mohd Razi Mastor.

“Penganjuran program seumpama ini bukan sahaja memberi ruang kepada kami untuk menghayati keberkatan Ramadan, malah turut memberi peluang kepada kami menyumbang tenaga dan bakti bagi membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bersatu.

“Komitmen dan sokongan daripada semua pihak yang terlibat membuktikan bahawa program sebegini mampu menjadi platform terbaik dalam merapatkan hubungan antara universiti dan komuniti, selari dengan aspirasi UTHM dalam melahirkan mahasiswa yang cakna dan bertanggungjawab terhadap masyarakat,” katanya.





UTHM dipilih jadi tuan rumah program Bridging Innovation and Learning in TVET 2025

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya dipilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran program 'Bridging Innovation and Learning in TVET' (BILT) bagi tahun 2025 oleh UNESCO International Centre for Technical and Vocational Education and Training (UNESCO-UNEVOC).

Menurut Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim program BILT2025 bakal dilaksanakan di Hotel Impiana KLCC, Kuala Lumpur pada 28 hingga 30 Mei 2025 akan datang bersempena penganjuran program Digital TVET Transformation Summit 2025 (DOTS25).

"Dijangka lebih 25 peserta UNEVOC Network Member dari enam benua iaitu Eropah, Amerika Latin dan Caribbean, Amerika Utara, Afrika, Asia Pasifik dan Negara-negara Arab akan menyertai program di Malaysia pada kali ini," katanya.

Penganjuran BILT saban tahun bertujuan membantu institusi TVET menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, alam sekitar dan sosial.

Dilancarkan pada Julai 2019, program itu menjadi platform untuk perkongsian idea dan amalan terbaik dalam TVET, khususnya di Eropah, Afrika dan rantau Asia-Pasifik.

BILT memberi tumpuan kepada menambah baik kemahiran dan kelayakan dalam TVET melalui empat

bidang utama iaitu Pendigitalan bagi memastikan TVET selari dengan dunia digital; Keusahawanan bagi membantu pelajar membina minda dan kemahiran berniaga; Kelestarian (Greening) bagi menggalakkan amalan mesra alam dalam pembelajaran serta Migrasi bagi menyediakan pendidikan dan latihan untuk golongan migran.

Melalui bengkel, persidangan dan sesi perkongsian, BILT menghubungkan institusi TVET di seluruh dunia supaya mereka berpeluang bertemu dan berkongsi ilmu antara satu sama lain.

Program itu juga mengkaji trend terkini untuk memastikan TVET kekal relevan dan memenuhi keperluan pasaran kerja.





Pensyarah UTHM kongsi ilmu dengan komuniti setempat hasilkan bubur lambuk retort

Oleh Prof. Madya Ts. Chm Dr. Hatijah Basri, Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzelly Abu Bakar

MUAR – Bagi mengimarahkan bulan Ramadan dengan aktiviti bermanfaat, sekumpulan pensyarah Program Teknologi Makanan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berkongsi ilmu dengan penduduk Kampung Jawa, Panchor, Johor melalui aktiviti memasak dan mengagihkan bubur lambuk menggunakan teknologi retort.

Program yang diadakan pada 11 Mac lalu itu bukan sahaja untuk mengeratkan hubungan antara universiti dan masyarakat setempat, tetapi juga memperkenalkan teknologi pemprosesan makanan moden yang mampu memanjangkan jangka hayat makanan tanpa penggunaan bahan pengawet.

Teknologi retort digunakan dalam penyediaan bubur lambuk bagi memastikan ia tahan lebih lama sekali gus mengekalkan rasa dan kualitinya.

Proses ini melibatkan pemanasan bubur lambuk dalam bekas kedap udara pada suhu dan tekanan tinggi, menjadikannya selamat untuk disimpan lebih lama tanpa perlu disejukkan.

Menurut penyelar program, Prof. Ts Dr. Mohd Fadzelly Abu Bakar, aktiviti itu merupakan salah satu inisiatif Program Teknologi Makanan, UTHM dalam

memperkenalkan inovasi pemprosesan makanan kepada masyarakat, selain memberi pendedahan kepada pelajar mengenai aplikasi teknologi dalam industri makanan.

“Pihak kami ingin berkongsi ilmu berkaitan makanan tradisional seperti bubur lambuk yang boleh dikomersialkan dengan kaedah moden seperti teknologi retort, sekali gus membantu usahawan kecil meningkatkan daya saing produk mereka,” katanya.

Selain penyediaan bubur lambuk, penduduk Kampung Jawa juga bergotong-royong dalam proses memasak, membungkus dan mengedarkan bubur kepada penduduk setempat termasuklah kepada penduduk sekitar kawasan Panchor.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Hatijah Basri, turut hadir memberi sokongan kepada penganjuran program tersebut.

Beliau dalam ucapannya turut menekankan kepentingan teknologi makanan dalam memastikan keselamatan dan ketahanan makanan berada pada tahap yang terbaik.

"Saya harap program sebegini dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat, selain dapat membuka peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di bilik kuliah dalam situasi sebenar.

"Program ini diharap dapat menjadi platform berterusan bagi memperkasakan komuniti dengan pengetahuan teknologi makanan, sekali

gus menyumbang kepada pembangunan industri makanan halal yang lebih mampan di Malaysia," katanya.

Program itu turut mendapat kerjasama daripada Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), UTHM, yang diketuai oleh Pengarahnya, Profesor Madya Ts. Dr. Faridah Kormin.





Projek 100 for 100 ukir senyuman di wajah 100 murid asnaf

Oleh Dr. Anim Zalina Azizan

BATU PAHAT – Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan 'Projek 100 for 100' pada akhir Mac lalu bagi membantu 100 murid asnaf di empat sekolah rendah sekitar Parit Raja, Batu Pahat membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Melalui projek itu, seramai 100 murid asnaf telah menerima sumbangan duit raya sebanyak RM100 seorang hasil kutipan dana daripada warga universiti, para dermawan, alumni serta pihak industri yang prihatin terhadap kebajikan murid kurang berkemampuan.

Penyampaian sumbangan yang diketuai oleh Dekan FPTP, Prof. Madya Dr. Shafie Mohamed Zabri telah diadakan di empat sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Sabak Uni, SK Parit Raja, SK Pintas Puding dan SK Pintas Raya.

Dr. Shafie dalam ucapannya berkata projek itu dilaksanakan bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan murid asnaf, di samping menyemarakkan lagi semangat kebersamaan dan kasih sayang dalam komuniti universiti serta masyarakat setempat.

Selain penyampaian duit raya, program itu turut diserikan dengan sesi ramah mesra antara murid dan wakil pengurusan fakulti yang bertujuan memberi motivasi kepada mereka untuk terus berusaha mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran.

Untuk rekod, Projek 100 for 100 merupakan salah satu inisiatif kebajikan tahunan FPTP yang dirancang dan dilaksanakan kurang daripada seminggu dan telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM10 ribu.

Projek yang diilhamkan oleh Dekan FPTP itu diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang dengan penyertaan lebih ramai penyumbang.

"Dengan adanya program seperti ini, diharapkan lebih ramai murid asnaf dapat menerima manfaat dan merasakan kegembiraan menyambut Aidilfitri seperti rakan-rakan mereka yang lain," tambah Dr. Shafie.





Sumbangan Bakul Qaseh FKMP beri keceriaan kepada 40 asnaf

Oleh Ir. Dr. Ahmad Hamdan Ariffin

BATU PAHAT, 25 Mac 2025 – Seramai 40 keluarga asnaf di Kampung Sri Gading, Batu Pahat menerima sumbangan berupa makanan melalui Program Bakul Qaseh yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi FKMP (MechClub), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Program itu dilaksanakan bagi menzahirkan keprihatinan fakulti dalam meringankan beban golongan asnaf, sekali gus memberi keceriaan kepada mereka untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Bakul Qaseh itu merupakan hasil sumbangan ikhlas daripada ahli FKMP, dengan kerjasama Yayasan Amal Johor.

Profesor Ts. Dr. Amir Khalid, Dekan FKMP bersama Prof. Madya Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor, Pengarah, Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko; Dr. Kamarul-Azhar Kamarudin, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa; Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Saifulnizan Jamian, Ketua Jabatan Mekanikal; Haji Salleh Farmin, Pengerusi Yayasan Amal Johor dan ahli MechClub telah mengunjungi rumah ke rumah bagi mengagihkan Bakul Qaseh tersebut.

Proses agihan bantuan turut dibantu oleh Ketua Kampung terbabit bagi memastikan perjalanan program berjalan lancar.

Prof. Amir turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua Jawatankuasa Pelaksana Qaseh Ramadan 2025, warga fakulti dan Yayasan Amal Johor atas komitmen yang diberikan.

“Program Bakul Qaseh ini adalah bukti keprihatinan ahli fakulti terhadap masyarakat, dan kami berharap ia dapat membawa kegembiraan kepada golongan asnaf untuk menyambut hari lebaran,” ujar beliau.

Program ini bukan sahaja memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan, tetapi juga memperkukuhkan hubungan antara universiti dan komuniti setempat.





FAST anjur program Infaq Ramadan, semai budaya harmoni dan prihatin di tempat kerja

Oleh Dr. Zalilah Murni Yunus, Prof. Madya Muhamad Ghazali Kamardan

BATU PAHAT, 17 Mac 2025 - Mengambil keberkatan bulan Ramadan, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan inisiatif Kelab Kebajikan Staf Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (KEiSSWA) telah menjayakan program 'Infaq Ramadan' yang bertemakan 'Infaq Ramadan sebagai Jambatan Prihatin di Tempat Kerja.'

Program itu bertujuan untuk memastikan golongan yang kurang berkemampuan mampu menjalani ibadah puasa dengan selesa dan melakukan persediaan perayaan dengan penuh gembira dan harapan.

Kempen infak untuk warga kampus yang hanya berlangsung dalam masa tujuh hari itu berjaya mendapat kutipan sebanyak RM1113.70 dan telah diagihkan kepada 20 penerima yang terdiri daripada rakan sekerja dan pekerja pencucian.

Sambutan positif daripada penyumbang dilihat sebagai manifestasi keprihatinan yang tinggi dalam kalangan ahli kelab terhadap golongan yang kurang berkemampuan.

Rentetan itu, satu majlis mengagihkan sumbangan kepada penerima infaq telah dilaksanakan dan disampaikan oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Madya Ts. Dr. Noor Azura Awang mewakili Dekan FAST.

Sumbangan berupa barang keperluan harian dan duit raya sebagai simbolik kasih sayang dan sokongan kepada mereka yang memerlukan.

Menurut Pengerusi KEiSSWA, Profesor Ts. Dr. Azme Khamis, program sebegini bukan sahaja dapat membantu dari segi material, tetapi juga menyuntik semangat dan harapan kepada mereka yang sedang menghadapi kesulitan hidup.

"Dengan adanya bantuan seumpama ini, mereka dapat menikmati rasa kepedulian dan keceriaan yang diberikan oleh warga kerja di tempat mereka mencari rezeki.

"Impak program ini dilihat lebih besar daripada sasaran apabila ia secara tidak langsung membentuk budaya prihatin dan suasana kondusif di tempat kerja serta meningkatkan kesedaran tentang pentingnya bantuan sosial dalam kalangan golongan kurang berkemampuan," katanya.

Pihak fakulti juga berharap program seumpama ini akan menjadi tradisi tahunan bagi membantu golongan tidak berkemampuan, sekali gus sebagai inisiatif mencipta budaya tempat kerja yang lebih harmonis dan prihatin.



Ibu Tunggal, OKU terima sumbangan FKEE dan ABIM sempena Ramadan

Oleh Dr. Tasiransurini Ab Rahman

BATU PAHAT – Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan ABIM Batu Pahat sekali lagi menganjurkan Kempen Sumbangan Sekampit Beras (KSSB) bersempena bulan Ramadan al-Mubarak bagi edisi 2025/1446H, yang melibatkan pemberian sumbangan kepada golongan B40, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU).

FKEE telah terlibat dalam dua fasa agihan sumbangan, yang mana seramai 19 sukarelawan menyertai fasa satu, manakala 20 lagi menyertai fasa dua.

Program kali ini bertumpu kepada 40 keluarga pelajar B40 Sekolah Menengah Tun Aminah (SMTA) dan Sekolah Menengah Penghulu Saat, Parit Sulong, Batu Pahat.

Keluarga-keluarga terlibat telah menerima sumbangan berupa keperluan harian dan juga wang tunai.

Golongan ibu tunggal dan OKU antara mereka yang turut menerima sumbangan ini.

Selain ABIM Batu Pahat dan Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Kesukarelawan, dan SULAM (JKKKS), Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE) dan Kelab Staf FKEE (KsFKEE); program ini turut melibatkan penyertaan Kumpulan Pelajar Islam Johor (KPIJ) Batu Pahat, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Sri Gading,

sukarelawan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), dan Global Peace Mission (GPM).


Penasihat II Program KSSB merangkap Dekan FKEE, Prof. Madya Ts. Dr. Asmarashid Ponniran berkata saban tahun fakulti sentiasa menyambut baik kerjasama untuk menganjurkan KSSB ini.

"Selain mengeratkan hubungan sesama rakan kerjasama dan para sukarelawan, menjadi harapan kami supaya lebih ramai golongan kurang berkemampuan dapat dibantu dan diberi semangat untuk terus bangkit.

"Terima kasih diucapkan kepada para penyumbang, rakan-rakan kerjasama, para jawatankuasa pelaksana, pihak sekolah dan para sukarelawan yang telah memberi komitmen yang padu sepanjang program ini berlangsung," katanya.



Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide design to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guide researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulating focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tool. It provides details on the software's organization and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

